



# Hello Kampus

## PAHANG

Penemuan batu nisan tertera waktu Subuh, Rabiulawal 419 hijrah

# UMP rungkai sejarah Islam di Pahang



DR. Abd. Jalil Borham (tiga, kanan) berkongsi penyelidikannya dengan pelajar Universiti Malaysia Pahang dalam menjejaki tapak terawal legasi Islam di Pahang sempena Majlis Syarahan Profesor bertemakan *Wadah Transformasi Jati Diri Umat Gemilang* yang berlangsung di Dewan Astaka, Kuantan, baru-baru ini.

Oleh ZAMZURINA AHMAD  
zanzurina.ahmad@utusan.com.my

**KUANTAN** 8 April - Universiti Malaysia Pahang (UMP) berjaya merungkai sejarah kedatangan Islam di negeri ini dalam kajiannya sempena Majlis Syarahan Profesor yang bertemakan *Wadah Transformasi Jati Diri Umat Gemilang* di Dewan Astaka UMP kampus Gambang di sini baru-baru ini.

Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, Dekan Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusian (PBMSK), Prof. Dr. Abd. Jalil Borham berkongsi penyelidikannya untuk menjejaki tapak terawal legasi Islam di Pahang dalam majlis tersebut.

"Abd. Jalil mendedahkan kajiannya mengenai kedatangan Islam dan perkembangannya di alam Melayu khususnya di negeri ini dan terbukti Pahang menerima kedatangan Islam di rantau ini lebih awal apabila menemui catatan

pada batu nisan di Kampung Permatang Pasir, Pulau Tambun, Pekan dekat sini.

"Penemuan batu nisan yang tertera waktu Subuh, Rabiulawal 419 hijrah atau 1,028 masehi beserta beberapa potongan ayat al-Quran dan syair Arab. Jika dibuat perbandingan dengan tarikh pada batu bersurat di Kuala Berang Terengganu iaitu tahun 702H (1303M) bermakna negeri ini lebih awal menerima kedatangan Islam iaitu 275 tahun lebih awal daripada Terengganu," katanya.

Beliau hadir bersama kira-kira 500 staf dan penuntut UMP pada majlis syarahan tersebut.

Yang turut hadir Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Datuk Dr. Mortaza Mohamed; Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Datuk Dr. Yuserrie Zainuddin dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Mashitah

Mohd. Yusoff.

Dalam pada itu, menurut Abd. Jalil, lokasi penemuan batu nisan tersebut hanya beberapa kilometer daripada kampus UMP di Pekan.

"Begitu juga tentang sejarah Lubuk Pelang, Bukit Ketupat di Jerantut yang merupakan sebuah pusat pengajian yang diiktiraf kerajaan Melayu Nusantara menunjukkan pada 1640 Hamzah Fansuri telah pergi ke sana untuk mendalami ilmu Hakikat dan Tasawuf.

"Kajian pengesanan ini telah dilakukan oleh tiga orang yang dianggap penting iaitu Zakaria Hitam, Halim Nasir dari Muzium Negara, bekas Kadi Kuantan, Sulaiman Husain dan Abdul Wahab Abdullah yang merupakan Nazir Sekolah-Sekolah Menengah Agama Pahang pada 1980," jelasnya.

Menurutnya, beliau akan bekerjasama dengan pihak Muzium Negeri dalam memastikan fakta yang ditemui ini dapat disahkan dalam catatan sejarah.